

Pemimpin PAS: Mahathir patut nasihat Najib batal 'surat ugutan 1994'
The Malaysian Insider
22 September , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 22 Sept — Tun Dr Mahathir Mohamad yang sepatutnya menasihati Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak agar menarik balik surat yang mengugut mahu mengenakan tindakan perundangan jika Kelantan tetap bertegas mahu melaksanakan Kanun Jenayah Syariah (II) berkaitan hukum hudud pada 1994, kata seorang pemimpin kanan PAS hari ini.

Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub (gambar), berkata oleh kerana bekas perdana menteri itu sendiri yang mengeluarkan surat sedemikian, sewajarnya beliau yang berbuat demikian, bukan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Dr Mahathir jangan hanya pandai menyuruh Tuan Guru (Nik Aziz) ... beliau sendiri yang sepatutnya menasihati Najib supaya menarik balik surat ugutan itu," kata beliau lagi.

Salahuddin berkata sekiranya Dr Mahathir boleh menasihati Najib agar melewatkan tarikh pilihan raya umum ke-13, bekas presiden Umno itu sewajarnya boleh menggunakan pendekatan yang sama dalam isu berkaitan dengan hukum hudud.

"Kalau Dr Mahathir boleh menasihati Najib supaya menangguhkan pilihan raya, tak mungkin beliau tak boleh nasihatkan Najib supaya menarik balik surat yang mengugut mahu dikenakan tindakan terhadap Kelantan sekiranya Kanun Jenayah Syariah (II) dilaksanakan," kata Salahuddin merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir awal minggu lalu.

Surat tersebut dihantar kepada kerajaan Kelantan oleh Dr Mahathir sendiri atas sifatnya sebagai Perdana Menteri waktu itu.

Ketika menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir juga memberi amaran pada 14 Ogos 1994 bahawa "kita (kerajaan pusat) akan ambil tindakan jika Kelantan meneruskan usaha melaksanakan hudud."

"Kerajaan pusat tidak berhajat untuk bersubahat dengan PAS bagi melaksanakan ketidakadilan semata-mata untuk kepentingan politik dan sokongan oleh orang yang telah diabui matanya.

"Kerajaan Malaysia yang sentiasa dan terus mempertahankan ajaran dan nilai-nilai Islam tidak dapat membenarkan kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercangah dengan prinsip keadilan dalam Islam, maka kerajaan pusat akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam dan penganut-penganutnya," kata Dr Mahathir dalam suratnya kepada Nik Aziz.

Salahuddin juga mahu Dr Mahathir menarik balik pelbagai tuduhannya terhadap hukum hudud.

"Sempena bulan Syawal ini, saya dengan rendah diri menyeru Dr Mahathir menarik balik pelbagai tuduhannya terhadap hukum hudud. Beliau pernah menuduh hudud boleh menyebabkan umat Islam menjadi mundur," kata Ahli Parlimen Kubang Kerian ini.

Salahuddin berkata, Dr Mahathir sepatutnya berjiwa besar dan menarik balik persendaannya terhadap hukum potong tangan itu memandangkan hukum tersebut

diperintahkan di dalam al-Quran.

"Kalau ada kelapangan, dengan rendah diri juga saya menyeru Dr Mahathir membaca surah al-Maidah ayat 38 dan 39," kata beliau.

Ayat tersebut membawa maksud, "laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan, Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Maka barang siapa bertaubat (di antara pencuri-pencuri itu) sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Dalam ulasannya pagi tadi, Nik Aziz menyifatkan kenyataan Dr Mahathir semalam sebagai sesuatu yang melucukan apabila meminta Menteri Besar Kelantan itu merujuk hasrat mahu melaksanakan hukum hudud kepada pentadbiran Najib.

Nik Aziz berkata mengikut protokol pentadbiran negara mana-mana surat rasmi yang dihantar kepada perdana menteri tidak akan tamat tempoh kuat kuasa apabila penyandang semasa meletakkan jawatan.

"Saya tidak pernah mendengar dasar bahawa mana-mana surat yang dihantar oleh perdana menteri akan tamat tempoh kuat kuasa apabila perdana menteri tersebut meletakkan jawatan.

"Adakah semua perkara akan tamat tempoh dan perlu diperbaharui apabila berlaku peralihan perdana menteri? Lucu sekali cabaran Tun Mahathir ...," kata Nik Aziz dalam mesej dikeluarkan menerusi laman sosial Facebook beliau pagi ini.

Sehubungan itu, kata Nik Aziz, beliau juga memohon Najib agar menarik balik surat, yang dikeluarkan ketika pentadbiran Dr Mahathir menghalang pelaksanaan hukuman hudud, membenarkan Kelantan melaksanakan undang-undang itu jika benar-benar Umno ikhlas berjuang untuk agama.

"Saya juga memohon Datuk Seri Najib Tun Razak dapat menarik balik surat tersebut," kata Mursyidul Am PAS ini mengulas kenyataan Dr Mahathir yang dikeluarkan di Tanjong Malim semalam.

Dr Mahathir meminta Nik Aziz memperkenalkan hukum hudud di negeri itu sekarang memandangkan beliau tidak lagi menjadi perdana menteri yang dahulunya dianggap menghalang hasrat kerajaan negeri itu melaksanaannya.

"Saya bukan perdana menteri dah, pasal apa tak laksanakan (hudud). Pi la tanya Najib kot dia nak bagi ... ni dia (Nik Aziz) dok salahkan saya kononnya pasai saya, (PAS) tak dapat laksana hukum hudud," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-pas-mahathir-patut-nasih-najib-batal-surat-ugutan-1994/>